



04 DEC, 2019

## Tarif elektrik di Semenanjung dikekal hingga 30 Jun 2020

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

### RINGKAS

#### Tarif elektrik di Semenanjung dikekal hingga 30 Jun 2020

**Kuala Lumpur:** Kadar tarif elektrik bagi pengguna elektrik di Semenanjung dikekalkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim Yeo Bee Yin pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, Kabinet pada Jumaat lalu bersetuju tiada surcuj dikenakan kepada pengguna domestik manakala kadar surcuj bagi pengguna komersial dan industri pula diturunkan kepada 0.55

sen/kilowatt-jam (kWj).

“Bagi kategori pengguna domestik, RM62.95 juta daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) akan digunakan untuk menampung surcuj Pelepasan Kos Bahan Api Tidak Seimbang (ICPT) supaya tiada surcuj dikenakan.

“Oleh itu, kadar efektif tarif elektrik akan dikekalkan pada kadar efektif asas pada kadar 39.45 sen/kWj. Ini adalah 18 bulan berturut-turut tiada peningkatan melalui surcuj dikenakan kepada pengguna elektrik domestik,” katanya.



04 DEC, 2019

## Tarif elektrik di Semenanjung dikekalkan hingga 30 Jun 2020

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Kadar tarif elektrik bagi pengguna elektrik di Semenanjung dikekalkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020. Perkara itu dimaklumkan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim Yeo Bee Yin pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertayaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam. Menurutnya, Kabinet pada Jumaat lalu bersetuju tiada surcaj dikenakan kepada pengguna domestik manakala kadar surcaj bagi pengguna komersial dan industri pula diturunkan kepada 0.55

sen/kilowatt-jam (kWj). “Bagi kategori pengguna domestik, RM62.